KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	18/11/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	21
JABATAN	:	JKPTG			

Buka permohonan pajakan majukan tanah terbiar

Langkah kerajaan bantu tingkatkan pengeluaran tanaman makanan

Kuala Lumpur: Kerajaan Persekutuan terbuka kepada cadangan untuk memajukan tanah terbiar atau belum dibangunkan bagi mengoptimumkan penggunaan tanah kepada aktiviti lebih menguntungkan.

Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Ali Biju, berkata mana-mana pihak sama ada agensi kerajaan, swasta mahupun orang perseorangan boleh memohon membangunkan tanah terbiar menerusi kerajaan negeri atau tanah milik kerajaan melalui Pejabat Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

"Permohonan membangunkan tanah terbiar di bawah kerajaan negeri sangat dialu-alukan, tetapi ia tertakluk kepada pertimbangan pemberian sewaan atau pendudukan tanah.

"Kerajaan negeri bersedia memberi pajakan dan ini baik untuk menjana ekonomi," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2022 peringkat dasar di Dewan Rakyat, semalam.

Tanah terbiar dikategorikan sebagai tanah bermilik, tanah kerajaan dan tanah rizab.

Beliau berkata, bagi tanah bermilik, hak mengusahakan tanah terbiar terletak kepada pemilik tanah dengan persetujuan bersama pihak berminat memajukannya.

"Bagi tanah adat dan tanah rizab Melayu juga dikategorikan sebagai tanah bermilik dan pembangunannya sama ada melalui sewaan atau pajakan, tertakluk kepada perundangan sedia ada," katanya.



Semua pihak dipelawa memohon majukan tanah terbiar bagi tujuan pertanian bagi menjana ekonomi. (Foto hiasan)

Sementara itu, Ali berkata, Kerajaan Persekutuan juga mengadakan beberapa program untuk lepasan graduan seperti projek pertanian bagi sekuriti makanan dan perniagaan dengan objektif mengoptimumkan penggunaan tanah dan meningkatkan pengeluaran tanaman makanan negara.

"Tanah itu juga dicadang untuk disewakan bagi projek pertanian atau perniagaan sebagai usaha meningkatkan kawasan pertanian dan memberi peluang golongan berpendapatan rendah dan belia termasuk graduan menjana pendapatan" katanya. BERNAMA